

HALAMAN KAUM IBU

HAK DAN KEBEBASAN PEREMPUAN

Oleh memandang nampaknya ada sebahagian daripada kaum ibu yang telah berpendapatan bahawa hukum-hukum agama Islam itu sangat longgar dan tidak memberi kebebasan perempuan dengan secukupnya sebagaimana riak-riaknya yang telah ada maka kita telah meminta kepada seorang penulis kaum ibu yang mengetahui hukum-hukum agama menulis tentang hak dan kebebasan perempuan dalam Islam yang kita fikir patut menjadi panduan kepada kaum sejenisnya. Tulisan-tulisannya ini adalah kita peturunkan dengan memberi kebebasan yang luas bagi mendatangkan fikiran-fikiran memikirkan hak-haknya dengan memberi penerangan-penerangan yang jelas kepada kaum yang kita fikir patut diperhati bukan sahaja bagi kaum ibu tetapi juga kepada pihak lain-lain terutamanya kepada ibu bapa. Makalah ini panjang dan terpaksa kita menghidangkannya bersambung-sambung tetapi sungguhpun begitu di dalam tiap-tiap pengeluarannya kita mencuba seberapa boleh mengikut sefasal-fasal. Mudah-mudahan rencana ini ada manfaatnya kepada pembaca-pembacanya - Pengarang.

(oleh Ummu Mohsin)

PEREMPUAN SESUDAH BALIGH

Sebelum saya merencanakan hak dan kebebasan perempuan sesudah baligh maka terlebih dahulu di sini saya suka menarik perhatian pembaca-pembaca kepada perkara-perkara yang sedang heboh terjadi iaitu tentang hal tuntutan sebahagian kaum-kaum ibu terutamanya yang dianjurkan oleh cik Zahrah binti Nur Muhammad yang telah menyeru supaya perkahwinan perempuan yang masih muda yakni yang sudah baligh dan belum tiba umurnya 16 tahun atau 18 tahun itu hendaklah diperundang-undangkan dengan memberi alasan-alasan kepada perkara-perkara yang dibawanya iaitu dengan memberi nama tiga orang perempuan Hamidah, Rokiah dan Hindon sebagaimana yang tersiar di dalam "Sunday Times" 1 Oktober 1950 itu yang menjadikan kesannya kepada lain-lain agama akan terpengaruh dan mencecah mencacat kelak kepada kemuliaan dan ketinggian pengajaran-pengajaran agama Islam yang tamadunnya telah lebih sempurna

dan lebih dahulu daripada tamadun orang-orang Barat terutamanya di dalam meninggikan darjah perempuan di dalam masa dunia yang pada masa itu dalam kegilaan dan ganas terhadap kepada perempuan-perempuan.

Saya tidak menafikan bahawa ada terjadi penanggungan-penanggungan yang demikian itu bahkan ada barangkali lebih hebat penderitaan mereka daripada yang digambarkan oleh Cik Zahrah itu tetapi tetapi yang demikian itu tidaklah bermakna bahawa kesalahan itu terbit daripada kesalahan-kesalahan pengajaran Islam yang mengesahkan perkahwinan itu sesudah orang itu baligh sama ada lelaki atau perempuan yang dengan syarat hendaklah mereka-mereka berkahwin itu cukup sihat dan selain daripada itu mengetahui pula tentang hak-hak dan tanggungan-tanggungan di antara mereka itu saya tidak sekali-kali bersetuju perkara yang demikian itu diperundang-undangkan kerana bermakna tidak menyetujui pengajaran-pengajaran



Gambar kaum ibu Johor bergembira dan bersuka cita beramai-ramai berarak dengan dihulurkan oleh lelaki meminta Onn balik menjadi yang di-Pertua UMNO apakah tanggungan lelaki ke atas perempuan? Kelak akan dibahas juga oleh penulis rencana ini.

Islam yang ditaja bukannya oleh hukum akal manusia tetapi tajaan daripada Allah Subhanahu wa Taala yang mengetahui selok belok keadaan hambanya.

Segala kesalahan-kesalahan itu janganlah sekali-kali hendaknya ditumpukan kepada pekerjaan atau langkah nampaknya, sama ada disengaja atau tidak, telah mencecah kemuliaan hukum-hukum agama Islam yang barangkali terbit daripada perbuatan dan kesalahan daripada mereka-mereka yang dikatakan ulama atau mereka-mereka yang telah memegang jawatan-jawatan kadi yang menggunakan jawatan-jawatannya itu nampaknya bukannya berkhidmat kepada agama tetapi menjaga maslahat dan kedudukannya sendiri. Kejadian bercerai dengan mudah dan pandangan-pandangan bahawasanya lelaki itu sahaja berhak menggugurkan talak itu semata-mata suatu fahaman? yang kurang pengetahuan mereka di dalamnya atau fahaman-fahaman yang sengaja untuk menghilangkan kebebasan seseorang perempuan yang diberi hak-haknya oleh agama sebab hak talak itu bukannya sahaja dipegang oleh lelaki tetapi juga perempuan berhak mentalak suaminya dengan 1 talak. Perkara ini

Insya-Allah akan saya huraikan di belakang.

Dengan sebab kesalahan-kesalahan masyarakat ini, dengan sebab keburukan-keburukan iktisad dan dengan sebab sebahagian daripada mereka-mereka yang menyoal dalam agama telah tidak berani berterus-terang mendirikan yang hak dan menggugurkan yang batil dengan menyembunyikan hak perempuan yang diberi kepada mereka itu oleh agama Islam itulah menjadi sebab sesuatu perceraian mudah terjadi dan berlaku perkahwinan-perkahwinan yang dibangsakan kepada paksa yang dengan tidak disadari oleh ibu bapa yang jahil anaknya itu rupanya telah berkahwin di dalam perkahwinan yang tidak halal yang sifatnya berkumpul dengan suaminya sama dengan zina iaitu dengan ketiadaan pengetahuan dan dengan sebab tidak mengendahkan walau sedikit pun hak-hak kebebasan mereka itu yang setengah-setengahnya bertaklid buat semata-mata kepada barang yang bukan daripada pengajaran-pengajaran agama Islam yang berdasarkan kepada al-Quran dan hadis dengan terang dan nyata tidak ada khilafnya yang tidak mesti dibawa kepada kias dan tamsil lagi.

Oleh yang demikian jika mereka-mereka yang bersefahaman dengan Cik Zaharah binti Nur Muhammad yang dikatakan hendak membantu masyarakat itu berbalik kepada pengajaran-pengajaran Islam, hendaklah lebih dahulu mereka mengkaji dan mempelajari dimanakah hak dan kebiasaan kaum perempuan dan apabila mereka mendapati dan mengetahui sebenar-benarnya hak itu maka hendaklah ia memberi penerangan-penerangan dan faham-faham yang secukupnya kepada kaum sebangsanya, sejenisnya, dengan cukup keterangan-keterangan yang nyata kemudian dengan pengajaran-pengajaran itu sendirinya mereka iaitu mengetahui hak dan tanggungannya – bukannya sengahaja mencari dakyah-dakyah yang besar berapa membela hak atau kemuliaan perempuan tetapi di sebalik itu mendirikan muslihat dengan mengadakan sandiwara. Mengadakan joget dan sebagainya, konon-kononnya kerana derma bagi mereka itu, kerana muslihat-muslihat mereka itu tetapi di sebalik itu berdirilah masalah-masalah yang nampaknya untuk faedah diri dan golongan-golongan mereka. Inilah perkara-perkara yang ditakuti dan yang sangat merbahaya yang patuh dicemburui dan diselidikkan dengan saksama.

Sekarang marilah kita berbalik kepada tentang hak-hak kebebasan kita kaum perempuan. Di dalam kejadian manusia maka Allah telah menetapkan bahawa ibu bapa itu adalah mempunyai suatu perasaan kasih sayang kepada anak-anaknya. Apabila seseorang anak zahir maka dengan sendirinya perasaan mahabbah ke atas anak itu terbit dan dengan kerana mahabbah itu ia bersedia mengorbankan segala-galanya untuk faedah anak-anaknya dan di sebalik itu kedua-dua ibu bapa tadi mempunyai pula tanggungan-tanggungan mempunyai pula mas'ul di atas anak-anaknya itu dan dengan demikian maka ditanggungkan pula sesuatu kewajipan kepadanya untuk mendidik dan memelihara anak itu supaya berfaedah dan berguna kepada masyarakat. Hal yang demikian ini adalah umum, tidak ditentukan bagi mendidik anak lelaki sahaja tetapi juga anak perempuan supaya mereka itu sempurna kehidupannya.

Tanggungannya ibu dan bapa itu ke atas anaknya akan dan terlepas segala bebanan itu atasnya iaitu apakala

anak itu telah baligh. Seseorang anak selagi ia belum baligh maka ia adalah menjadi tanggungan ibu bapanya ataupun walinya. Tetapi pada hari ia baligh maka hilanglah hukum kewajipan ibu bapa dan kekuasaan wali itu ke atasnya, mulai daripada hari itu ia terhitung atau terbilang sebagai satu orang - bukan sebagai kanak-kanak lagi. Kalau ia ada pusaka daripada ayah bondanya maka pusaka itu wajib diserahkan kepadanya. Harta benda itu boleh diurusnya mengikut kemahuannya sendiri dengan tidak dapat teguran daripada sesiapa pun dikecualikan jika ia boros atau pun menggunakan harta itu kepada maksiat maka yang demikian ada undang-undang bagi mengawalinya.

Kebebasan seseorang yang sudah baligh itu ialah suatu kemerdekaan yang telah disetujui oleh agama, akal dan adat, jadi kaum kita perempuan yang telah akil baligh itu adalah mempunyai suatu kebebasan yang tepat pada dirinya dan di dalamnya berkebebasan juga ia meletakkan hak-hak di dalam perkahwinan dan sebab itu menurut pula yang sah yang berpandu kepada Al-Quran dan hadis maka tidak sah perkahwinan sekalipun ia anak dara dikahwinkan dengan seorang lelaki yang tidak diredhainya. Keredhaannya itu bukannya perkara sunat tetapi perkara wajib kerana dengan tidak keredhaannya itu sudah tetap perkahwinan itu tidak sah. Dan perkahwinan yang tidak sah itu jika ia beranak maka anaknya itu sudah tetap haram.

“Tidak boleh dinikahkan perempuan janda melainkan setelah dibawa bermesyuarat dan tidak boleh dinikahkan seorang gadis melainkan setelah diminta izin daripadanya” – demikianlah sabda Rasullulah (SAW) menurut riwayat hadis sahih yang diriwayatkan oleh Bukhari.

Rasullulah (SAW) bersabda lagi maksud: Perempuan yang janda itu lebih berhak mengkahwinkan dirinya daripada walinya, dan anak gadis itu mustahak diminta izin pada (mengkahwinkan dirinya) dan izin itu memadai dengan izinnya” - hadis sahih riwayat Muslim. Keterangan itu nyata

perkahwinan seseorang itu tidak menjadi sah melainkan dengan izinya dan perkahwinan dengan tidak izinnya itu sudah tetap tidak sah. Adapun tentang diam itu melihat kepada keadaan-keadaan pada hari ini rasanya tidaklah memadai dengan diam begitu sahaja melainkan dengan yang sarih supaya sabit akuan-akuan daripada gadis yang dikahwinkan itu dan supaya tidak terbit di dalamnya kahwin paksa yang menjadikan seseorang itu mendapat kebebasan yang penuh tentang perkahwinan. Wali di dalam bahagian ini hanya menjadi perantara atau menjadi wasitah di antara yang meminang atau yang dipinang. Kekuasaan wali itu tidak penuh kepada perempuan itu (dalam perkahwinan) sebab ia bebas membuat dalam hal ehwal dirinya.

Dengan perkataan saya ini tentulah orang akan bertanya jika perempuan itu ada hak kemerdekaan atas dirinya dan berhak mengurus dirinya maka mengapakah tak pernah kejadian seseorang datang meminang kepada gadis itu sendiri? Biasa mereka meminang adalah menerusi ibu bapa atau wali mereka itu. Pertanyaan ini saya akan jawab demikian: Daripada dahulu hingga ke zaman Nabi dan kemudian daripada

zamannya, telah teradat kepada mereka memustahakkan kesopanan anak-anak perempuannya iaitu anak-anak gadis itu dididik kebanyakannya di rumah, dipelihara dan dijaga sebagai suatu barang yang lebih daripada jiwa mereka. Dengan memelihara dan didikan yang demikian itu tak dapatlah anak-anak gadis itu terdedah sebagaimana anak-anak gadis yang digelar terpelajar. Dengan sebab tidak terdedah itu tak dapatlah anak-anak gadis tadi bercakap dengan lelaki selain daripada mahramnya sendiri. Gadis-gadis yang demikian ini sifatnya kebanyakannya pemalu dan tentulah tak boleh dipinang melainkan kepada walinya atau kepada pengurusnya. Dengan sebab itu wali itu di sini menjadi perantara tetapi perantara itu tidak bermakna membuat kekuasaan.

Hal yang demikian ini tidak bermakna bahawa kanak-kanak perempuan itu hilang haknya dengan mengkahwinkan dirinya. Dengan sebab inilah barangkali Imam Malik membahagikan syarat perkahwinan untuk meluaskan hak itu kepada dua bahagian dengan katanya: "Perempuan golongan rendah boleh mengkawinkan dirinya sendiri tetapi yang demikian itu tak boleh bagi perempuan daripada golongan orang yang terhormat. Daripada perkataan




Kaum ibu Johor Baharu sedang berarak kerana Dato' Onn yang telah meletakkan jawatannya sebagai yang Di-Pertua Agung UMNO supaya memegang semula jawatannya yang diadakan tidak berapa lama dahulu. Apakah kata agama Islam di dalam cara perempuan

Imam Malik ini dapatlah dipaham bahawa anak-anak perempuan daripada golongan yang rendah itu tidak dapat begitu sempurna penjagaannya - jadi malunya kurang sebab itu ia boleh mengkahwinkan dirinya dengan berwali sesiapa yang disukainya.

Adapun perempuan daripada golongan yang terpendang atau terhormat mereka itu biasanya adalah terpelihara benar. Dengan sebab itu tak boleh ia mengkahwinkan dirinya dihadapan lelaki yang hadir bahkan ia tak boleh (tak dapat) menunjukkan mukanya di majlis itu. Dengan ini nyata bahawa perempuan itu bebas meletakkan hak perkahwinannya dan meletakkan kesukaannya di dalam perkahwinan dan perkara berwali apalagi wali paksa atasnya dengan tidak keredhaanya itu adalah salah sama sekali. Demikian juga nyata dengan terangnya bahawasanya di dalam perkahwinan itu telah terjadi perkara-perkara adat yang membelakangkan kehendak-kehendak dan pengajaran-pengajaran Islam bahkan membelakangkan sama sekali, pada setengah-setengahnya, kepada pengajaran-pengajaran

itu sehingga dengannya terjadilah perkara-perkara yang memudharatkan, membencanakan dan bagi setengah-setengah mereka yang tidak mengetahui lalu menyalahkan dan meletakkan kesalahan perkahwinan itu kepada agama Islam pada hal agama Islam tidak mengajar hal yang sedemikian itu.

Tidak ada sesuatu agama di dalam dunia ini yang memberi kebebasan kepada perempuan dengan sebegitu sempurna sama ada di dalam kebebasan bersuaminya selain daripada agama Islam. Cara-cara itu diatur dengan sempurna serta dengan peraturan yang boleh disesuaikan kepada keadaan zaman dan masa dengan tidak mengiaut sedikit pun ke atas mereka itu dikecualikan oleh mereka yang memandang atau yang sengahaja atau yang mengikut hawa nafsunya yang menyempitkan kebebasan-kebebasan itu, yang menjadikan setengah-setengah orang bahawa pelajaran-pelajaran Islam menyempitkan fahaman orang-orang yang tersebut di belakang ini. Hal ini akan saya terangkan lagi kelak di dalam keluaran yang akan datang.



Perdana menteri Mohammad Natsir sedang mengangkat sumpah dihadapan Presiden Sukarno tatkala ia dilantik menjadi Perdana Menteri Republik Indonesia. Di dalam gambar ini zahir seorang ahli agama nampaknya telah mengangkat Quran di sisinya iaitu dengan mengadakan sumpah secara penjajahan Belanda dahulu. Sepatutnya sesudah negara Indonesia merdeka cara sumpah yang demikian itu hendaklah diubah dengan mengikut sumpah cara Islam yang sebenar dengan tidak pun menggunakan Quran seperti cara yang di atas ini. Mereka sepatutnya mendengar teguran-teguran yang telah diberi di dalam perkara yang sedemikian ini!